

Pemaju lega pangsapuri atas tanah komersial dikecuali cukai

Pengecualian peluasan skop Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) untuk bangunan pangsapuri perkhidmatan yang dibina di atas tanah hak milik komersial memberikan nafas lega buat syarikat pemaju harta tanah, demikian menurut penganalisis.

Penganalisis RHB Investment Bank, Loong Kok Wen, berkata kerajaan baru-baru ini menjelaskan bahawa segmen ini sekarang dikecualikan daripada dikenakan SST selagi unit terbabit dibi-

na untuk kediaman dan berada bawah seliaan Akta Pemaju Perumahan (HDA).

Tambahan itu, beliau berkata, bahan penting untuk pembinaan seperti simen, batu agregat dan pasir masih tertakluk pada cukai sebanyak sifar peratus.

“Dengan itu, hanya sebahagian komponen pembinaan yang akan dikenakan cukai enam peratus dan hal ini hanya akan menjelaskan segmen harta tanah perindustrian dan komersial,”

katanya dalam satu nota penyelidikan.

Mengenai industri harta tanah secara keseluruhan, Kok Wen berkata, pasaran kelihatan agak mencabar apabila berlaku perubahan dari segi pelaksanaan dasar tarif pada peringkat dunia, selain ketegangan geopolitik yang semakin meruncing di rantau Asia Barat.

Beliau bagaimanapun berkata, permintaan dan sentimen pelabur sektor harta tanah sepatut-

nya kembali pulih sebaik sahaja maklumat lanjut berhubung perubahan kawal selia didedahkan.

“Minat pelaburan asing berhubung pusat data di Malaysia terus kukuh, maka segmen perindustrian sepatutnya tetap menjadi tema pelaburan utama yang turut mendapat rangsangan daripada perang perdagangan yang berlarutan antara AS-China.

“Prospek kadar faedah yang stabil pula patut membantu

menyokong permintaan untuk harta tanah perumahan,” katanya.

Saham pilihan utama bank pelaburan itu dalam sektor harta tanah ialah Sime Darby Property Bhd dan Sunway Bhd.

Dalam pada itu, Kok Wen berkata, harga dan permintaan harta tanah di Iskandar Malaysia terus meningkat apabila sebilangan jumlah projek yang dilancarkan baru-baru ini oleh pemaju swasta mendapat sambutan yang amat menggalakkan.